



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**

Tel. : **03-8870 0015**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
Twitter : twitter.com/SPRMMalaysia
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

TIADA PEGAWAI SPRM DI MITRA KETIKA INI, PEGAWAI SPRM TIDAK TERLIBAT MESYUARAT PEROLEHAN

MERUJUK laporan dua akhbar berbahasa Inggeris pada 11 November 2023 yang bertajuk "MACC stations officer at Mitra for greater transparency" dan "MACC Officers to join MITRA meeting", Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ingin memperjelas dan memperbetulkan fakta yang berkemungkinan akan mengelirukan umum.

Pertamanya, ketika ini tiada pegawai SPRM yang ditempatkan di Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Kedua, pegawai SPRM dilarang terlibat dalam mana-mana mesyuarat lembaga, jawatankuasa atau urus setia berkaitan perolehan di agensi luar mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP).

Selain itu, berhubung isu penyelewengan dana MITRA, SPRM telah selesai membuat siasatan terhadap isu berkenaan dari tahun 2019 ke 2021. Susulan itu, SPRM telah berjaya mendapat pendakwaan terhadap 12 kes dengan 10 kes masih dibicarakan di mahkamah manakala dua kes tertuduh telah mengaku salah.

Hasil dapatan siasatan, SPRM juga telah mengambil tindakan mengkaji tatakelola pengurusan dana MITRA untuk tujuan mengukuhkan tatacara dan ketelusan pengagihan dana MITRA kepada masyarakat India di negara ini.

Laporan Khidmat Nasihat Amalan, Sistem dan Tatacara Pengurusan Dana Untuk Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India oleh MITRA telah diberikan kepada Kementerian Perpaduan Negara pada 22 Februari 2022 sebagai langkah pencegahan untuk menutup sebarang ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dana kerajaan.

Untuk makluman, Akta SPRM 2009 memperkasakan SPRM bukan hanya untuk menyiasat rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, malah tindakan pencegahan untuk memastikan kesalahan yang sama tidak berulang pada masa hadapan.

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

12 NOVEMBER 2023



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik,
Kamaruddin M. Ripin (03-88700016) atau Badrila Jamlus (03-88700200)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggabungan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).